Nama: ..... Kelas: ..... Tarikh: .....

TOPIK 1: Sistem Bahasa

KERTAS 1 02/1

PT3 Praktis 1: Kata Nama dan Kata Pinjaman

Buku Teks: m.s. 9, 23

Bahagian A

A. Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang *paling sesuai*.

1 Seorang _____ keselamatan berjaya menggagalkan cubaan untuk merompak sebuah bank.
A pentadbir C pemimpin
B pengerusi D pengawal

2 Pemuda itu berjaya mencipta sebuah kereta yang menggunakan _____ tinggi.
A gajet C interaksi
B emosi D teknologi

3 "Biarlah _____ berhadapan dengan perajurit Jawa ini," kata Hang Jebat kepada Hang Tuah.
A beta C patik
B anda D hamba

Soalan 4 *berdasarkan gambar di bawah ini.*

4 Pak Mahat mengukir kayu itu dengan menggunakan sebilah _____.
A kapak C parang
B pahat D gergaji

B. Ayat-ayat di bawah ini *mungkin betul* dan *mungkin salah*. Jika *terdapat kesalahan*, kesalahan itu telah ditandakan dengan *A*, *B*, atau *C* dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan *D*. Pilih jawapan yang *paling sesuai*.

1 "Beliau (A) memberitahu bahawa kita (B) harus membantu mereka-mereka (C) yang kurang bernasib baik," kata ketua kampung kepada Encik Muzamil. Tiada kesalahan. (D)

2 Gempa bumi itu mengakibatkan beratus-ratus buah (A) rumah, berpuluh-puluh pintu (B) rumah kedai, dan beberapa batang jalan (C) rosak teruk. Tiada kesalahan. (D)

Bahagian B

Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat *satu kesalahan bahasa*. Kenal pasti kesalahan tersebut dan *tulis jawapan* yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

(i) Cikgu Fauziah berasa gembira kerana penguasaan bahasa melayu dalam kalangan muridnya semakin baik.

_____

(ii) Antara barangan hantaran daripada pihak pengantin perempuan termasuklah sebuah jam tangan, sehelai sejadah, dan sepasang kasut.

_____

LIVEWORKSHEETS